

7H5M

# TOKYO + MT. FUJI + SNOW RESORT + KAWAZU SAKURA FESTIVAL



TOUR CODE:  
ANM05-D7  
ANMS05-D7

HARI 01 KUALA LUMPUR -  
NARITA

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Narita.

HARI 02 NARITA - KAWAGOE -  
OSHINO - FUJI

SP/MT/MM

Tiba di Narita International Airport.

Lawatan di Kawagoe:

- Melawat sekitar **Kurazukuri no Machinami** atau lebih dikenali dengan Little Edo Warehouse District. Dinamakan sebegini kerana sepanjang jalan ini masih berdiri teguh kedai-kedai dan gudang-gudang kayu yang wujud sedari zaman Edo pada kurun ke-16 dan memberi kita inspirasi tentang keadaan Jepun zaman dahulu kala.
- Berfoto di **Time Bell Tower (Toki no Kane)** yang asalnya dibina pada 1627 dan struktur yang sekarang ini merupakan menara generasi ke-4 dibaik pulih pada 1894 selepas kejadian Great Fire of Kawagoe.
- Membeli gula-gula dan manisan di **Confectionery Row (Kashiya Yokocho)**, lorong yang terkenal dengan berdozen penjual manisan dan juga memberi gambaran kepada tetamu bagaimana suasana ketika zaman Showa dahulu.
- Bersolat di **Masjid Farooq-e-Azam** yang besar dan terkenal di bandar ini.

Lawatan di Oshino:

- Melawat perkampungan kecil **Oshino Hakkai** yang terkenal dengan 8 buah kolam jernih seperti cermin yang terbentuk secara semulajadi selama lebih 80 tahun dari letusan lava Mt. Fuji.

Bermalam di Fuji.

HARI 03 FUJI - GOTEMBA -  
FUJI

SP/MT/MM

Lawatan di Fuji dan Gotemba:

- Masa bebas untuk bermain salji di **Fujiten Snow Resort**. Tetamu boleh menaiki skilift untuk menikmati pemandangan yang menarik atau bermain salji di kawasan yang disediakan dengan bayaran tambahan.
- Membeli-belah dan solat di **Gotemba Premium Outlet** yang menempatkan pelbagai butik dan kedai jenama-jenama terkenal di samping menikmati diskaun yang luar biasa. Bermalam di Fuji.

HARI 04 FUJI -  
TOKYO

SP/MT/MM

PERLEPASAN 16 JAN:

- **Iyashi no sato Nemba** adalah kampung tradisional yang dibina semula selepas tanah runtuh besar pada tahun 1966. Terdapat lebih dari 20 rumah di sini yang bina semula dan menjadi "muzium terbuka" di mana ianya menjadi pusat kraftangan tradisional tempatan.
- Rasai pengalaman memakai pakaian tradisional Jepun yang terkenal iaitu **Kimono** dengan tambahan bayaran yang berpatutan.
- **Lake Kawaguchi** adalah sebuah bandar peranginan mata air panas dengan pelbagai tarikan pelancong dan pemandangan Gunung Fuji terletak di sekitar hujung timur tasik, manakala pantai utara dan barat kebanyakannya belum dibangunkan.

- **Fujikawaguchi Mosque** terletak di tepi Tasik Kawaguchi, 20 minit berjalan kaki dari Stesen Kawaguchiko. Ia adalah masjid pertama di Fuji yang didirikan pada tahun 2020. Bermalam di Fuji.

PERLEPASAN 7 FEB:

ATAMI - YOKOHAMA - TOKYO

- Tetamu akan dibawa melawat **Kawazu Sakura Festival** yang diadakan hanya pada awal Februari hingga awal Mac di bandar Kawazu. Sakura di sini berbunga lebih awal dari jenis sakura dari kawasan lain di mana pengunjung akan mempunyai tempoh yang sedikit lama untuk menikmati pemandangan bunga sakura yang indah ini.
- Solat sebentar di **Yokohama Mosque**. Masjid ini terletak di daerah Kanagawa dan diasaskan pada penghujung 2006. Bermalam di Tokyo.

HARI 05 TOKYO

SP/MM

Perjalanan hari ke-5 ini semua pengunjung akan berjalan menggunakan train di Jepun. Semua pengunjung akan mendapat pass train yang dinamakan **Tokyo Subway Pass 48hrs**. Ia untuk di gunakan untuk hari ke-5 dan hari ke-6 sewaktu peserta berjalan sendiri.

- Melawat sekitar kawasan **Asakusa** yang sangat terkenal dengan pintu gerbang merah **Kaminarimon** yang terdapat tanglung besar dibina sejak 1000 tahun dahulu dan juga **Sensoji Temple** yang dibina pada kurun ke-7.
- Membeli-belah cenderamata dan manisan di laluan pejalan kaki **Nakamise Street** yang menempatkan lebih 50 buah kedai.
- Melawat **Ueno Park**, taman yang menjadi tumpuan ramai ketika musim cherry blossom. Di sini juga terdapat banyak muzium dan juga zoo. Di sini juga terletak Ueno Toshogu Shrine yang popular di kalangan pelancong untuk berfoto dan Flame of Hiroshima and Nagasaki Memorial.
- Solat di **Okamachi Mosque** atau lebih dikenali sebagai Masjid As-Salam. Masjid ini menjadi tempat tumpuan pelancong muslim dari seluruh dunia ketika bersiar-siar di kawasan Ueno.
- Masa bebas untuk membeli-belah atau bersiar-siar di Shibuya yang terletak di tengah kotaraya Tokyo dan telah wujud sejak kurun ke-11 lagi. Jangan lepaskan peluang untuk berfoto di **Shibuya Crossing** yang cukup terkenal.

Bermalam di Tokyo.

HARI 06 TOKYO - NARITA -  
KUALA LUMPUR

SP

Tetamu bebas untuk melakukan aktiviti sendiri seperti memakai Kimono di Asakusa, Shopping di Shibuya, menaiki SkyTree Tower Tokyo atau membuat lawatan ke Tsukiji Fish Market untuk melihat "Cutting Tuna Show". Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

HARI 07 KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur.

## Currency



JAPANESE YEN:  
JPY 100



RINGGIT MALAYSIA:  
MYR 3.30



PERBEZAAN WAKTU  
**JEPUN: GMT+9**



**Musim Panas:**  
Jun - Ogos



**Musim Luruh:**  
Sept - November



**Musim Sejuk:**  
Disember - Feb



**Musim Bunga:**  
Mac - Mei

## Map



# TOUR HIGHLIGHTS

1.



### MOUNT FUJI:

Melawat Mt Fuji 5th Station iaitu stesen paling popular bagi pengunjung untuk melihat keindahan Mt Fuji.

2.



### KAWAZU SAKURA FESTIVAL:

Sakura di sini berbunga lebih awal dari sakura di bandar lain di mana pengunjung akan mempunyai tempoh yang sedikit lama untuk menikmati pemandangan bunga sakura yang indah ini.

3.



### FUJITEN SNOW RESORT:

Pengunjung boleh menaiki skillift untuk menikmati pemandangan yang menarik atau bermain salji di kawasan yang disediakan dengan bayaran tambahan.

4.



### SHIBUYA:

Persimpangan itu dihiasi dengan banyak iklan neon dan skrin video gergasi dan dibanjiri oleh pejalan kaki setiap kali lampu bertukar hijau, menjadikannya tempat foto yang popular.

## Hotel Penginapan

3★ Hotel

Perlepasan 16 Jan

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Tokyo	T-Mark City Hotel Tokyo	1 Mlm
Mt. Fuji	Fujisan Garden Hotel	2 Mlm
Tokyo	Shinjuku Granbell Hotel	2 Mlm

Perlepasan 7 Feb

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Tokyo	T-Mark City Hotel Tokyo	1 Mlm
Mt. Fuji	Fujisan Garden Hotel	1 Mlm
Atami	Itoen Hotel Itami	1 Mlm
Tokyo	Shinjuku Granbell Hotel	2 Mlm

## Harga Pakej Termasuk

1. Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
2. Penginapan hotel 5 malam bertaraf 3\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
3. Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
4. Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
5. Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
6. Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

## Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	D7 522	KUL - HND	1435	2230
6	D7 523	HND - KUL	2345	0640

## Harga Pakej Tak Termasuk

1. Aktiviti/lawatan tambahan yang tidak terdapat dalam aturcara program seperti Disneyland, Disneysea Tokyo, Sea Life Park dan Legoland Discover Center.
2. Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
3. Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
4. Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
5. Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
6. Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
7. Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.